

DEFINISI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KELUARGA (Part 9)

Azizi Hj Yahaya

5. Hubungan Konflik Remaja-Ibu Bapa Dengan Masalah Sosial

Menurut Hall (1904), remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja. Pelajar-pelajar remaja akan mudah terpengaruh dan suka mengabaikan pelajaran jika tidak dikawal atau kurang perhatian. Akhirnya ini akan menghasilkan remaja yang tidak produktif seperti melepak, mencuri, ponteng sekolah dan terlibat dengan pelbagai gejala sosial seperti devian dan delinkuen. Lazimnya konflik memuncak pada awal remaja dan stabil semasa peringkat pertengahan remaja dan menurun apabila mencapai umur lapan belas tahun. Jika remaja tidak dapat menyesuaikan diri, remaja akan berkelakuan mendorong kepada masalah sosial di atas.

Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak (Jacobvitz et al., 1996). Menurutny lagi ia berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga sehingga membangkitkan konflik dan tekanan psikologikal dalam keluarga mereka sendiri. Remaja gagal melihat keluarga sebagai persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan serta rasa seronok kepada mereka. Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti remaja bermasalah. Kenyataan ini di sokong oleh Hoffman (1994), bahawa keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang di alam dewasa. Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak. Ibu bapa juga didapati gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama.

Persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsosialisasian remaja iaitu sikap, nilai dan sistem kepercayaan yang diterapkan ke dalam minda remaja dan menjadi medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya.

CONTINUE...